

# UMTJRB mengharap tuah

*KOSMO 08/08/07 pg. 56*

SETELAH berhempas pulas dengan latihan intensif selama dua bulan, pasukan Junior B Universiti Malaysia Terengganu (UMTJRB) yakin pasukan mereka boleh muncul juara pada kejohanan KOSMO! Varsity Futsal Zon Timur, hujung minggu ini.

Pasukan yang bakal berentap bersama 71 pasukan lagi di UMT di Kuala Terengganu pada Jumaat dan Sabtu ini juga mengakui pasukan mereka mempunyai persefahaman yang menakjubkan.

Kapten pasukan, Mohd. Asraf Baharudin memberitahu, semangat berpasukan di kalangan pemain berada pada tahap terbaik dan telah memberi komitmen yang tinggi dalam usaha untuk melakar kemenangan.



FADLI MAMAT

“Pasukan kami tak pernah menjuarai mana-mana kejohanan futsal yang disertai sebelum ini tetapi dengan adanya kesungguhan, mungkin kemenangan akan memihak kepada kami kali ini,” katanya.

Jelasnya, sebagai persediaan menghadapi kejohanan ini, mereka telah menjalani latihan setiap hari selama dua jam bermula pada pukul 5 petang di bawah kendalian jurulatih berpengalaman, Fadli Hamat.

“Kita juga melakukan latihan sampingan pada waktu malam untuk memantapkan lagi kekuatan pasukan ini,” katanya.

Tambahnya, beberapa siri perlawanan yang pernah disertai pasukannya turut mengesan kelemahan yang ada pada pasukan mereka.

## SENARAI PEMAIN

- Mohd. Asraf Baharudin (kapten)
- Muhazam Mohd. Yusoff
- Nik Mohd. Farhan Nik Daud
- Muhammad Faiq Abd. Razak
- Mohd. Masrun Sidik @ Ismail
- Mohd. Zazely Abdul Molok
- Mohamad Anas Mohammad Annuar.